

"Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab"

Ruj. Tuan :
Ruj.Kami : JKNJ(K) 30(4)/154Jld.7(57)
Tarikh : 14 Mei 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBrs. Dr.,

PENGUKUHAN PROGRAM PREVENTION OF MOTHER TO CHILD TRANSMISSION (PMTCT) DI NEGERI JOHOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan Bagi Eliminasi Jangkitan Sifilis dari Ibu ke Anak Bil 01/2024 yang dijalankan pada 19 dan 20 Februari 2024 telah bersetuju untuk meningkatkan usaha pengesanan awal dan rawatan penyakit HIV dan Sifilis dalam kalangan ibu hamil di negeri Johor selaras dengan sasaran bagi memastikan eliminasi jangkitan HIV dan Sifilis dari ibu kepada anak.

3. Sehubungan dengan itu berikut adalah beberapa langkah penambahbaikan yang perlu diambil bagi mengukuhkan program sedia ada:

a) **Saringan Ulangan Bagi Semua Ibu Mengandung:** Semua ibu mengandung tidak mengira risiko perlu menjalani ujian saringan Sifilis semasa *Booking* dan pada 28-32 minggu kandungan. Ini adalah bagi memastikan rawatan dapat diberikan kepada ibu hamil sekurang-kurangnya 30 hari sebelum kelahiran. Saringan Sifilis bagi ibu hamil adalah berdasarkan algoritma di dalam **Lampiran A**. Pemantauan penggunaan RTK Sifilis di peringkat fasiliti dan daerah adalah menggunakan Format Reten Penggunaan RTK Sifilis seperti di **Portal Reten HIV Negeri Johor** yang dipantau oleh Pegawai Perubatan Penyelaras HIV/STI/Hepatitis C Daerah.

b) **Saringan Pasangan:** Pasangan bagi ibu hamil yang positif Sifilis perlu dikesan, disaring dan diberi rawatan. Ibu hamil dan pasangan juga perlu diberi pendidikan seksual bagi mencegah jangkitan semula dan rawatan epidemiologi juga perlu diberikan kepada pasangan yang mempunyai ujian saringan RPR yang negatif.

c) **Ujian RPR Ibu dan Bayi Selepas Kelahiran:** Pengambilan RPR bagi ibu positif Sifilis dan anak perlu diambil dalam tempoh 24 jam selepas kelahiran bagi perbandingan *titer* RRT yang merupakan petunjuk penting kepada keberkesanan rawatan dalam mencegah *Congenital Syphilis*.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

d) **Konsultasi Dengan Pakar:** Bagi memastikan pengurusan pesakit yang optimum, semua kes yang terdapat percanggahan keputusan perlu mendapatkan konsultasi bersama pakar-pakar perubatan yang berkenaan di samping mengelakkan keciciran atau kelewatan dalam mendapatkan rawatan.

4. Diharapkan pihak YBrs. Dr., dapat memanjangkan makluman ini kepada semua pegawai di bawah seliaan YBrs. Dr., bagi tindakan selanjutnya. Diharapkan dengan kerjasama pihak YBrs. Dr., dapat mengukuhkan lagi program ini di Negeri Johor.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan sila hubungi, Dr. Muhammad Naqib Bin Mohamed, Pegawai Perubatan Unit HIV/STI/Hepatitis C, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor di talian 012-6367477 atau 07-2352205.

Kerjasama pihak YBrs. Dr., amatlah dihargai dan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SITI KHATIJAH BINTI ABDUL RAHIM) MMC:36955

(Pakar Perubatan Kesihatan Awam)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Samb. : 3302

E-mel : drsitikhatijah@moh.gov.my

SENARAI EDARAN


Pengarah Hospital

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru/ Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru/ Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar/ Hospital Sultanah Nora Ismail/ Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom Kluang/ Hospital Segamat/ Hospital Mersing/ Hospital Pontian/ Hospital Tangkak/ Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai/ Hospital Kota Tinggi

Pegawai Kesihatan Daerah

Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru / Muar / Batu Pahat / Kluang / Segamat / Pontian / Kota Tinggi / Mersing / Tangkak / Kulai

ALGORITHM 1: SYPHILIS TESTING USING 'TRADITIONAL ALGORITHM'




Note:

RPR = Rapid Plasma Reagin

TPPA = *Treponema pallidum* Particle Agglutination

*In the absence of high-risk behaviour/exposure, syphilis is unlikely. Please correlate with clinical findings.

ALGORITHM 2: SYPHILIS TESTING USING 'REVERSE ALGORITHM'



Note:

CMIA = Chemiluminescence Immunoassay


ECLIA = Electrochemiluminescence Immunoassay

*In the absence of high-risk behaviour/exposure, syphilis is unlikely.

Please correlate with clinical findings.

** Check for previous TPPA result. If TPPA is positive, no need to proceed.

ALGORITHM 3 : SYPHILIS TESTING USING 'RAPID DIAGNOSTIC TEST (RDT)'



Note:

RDT = Rapid Diagnostic Test

RPR = Rapid Plasma Reagin

CMIA = Chemiluminescence Immunoassay

ECLIA = Electrochemiluminescence Immunoassay

TPPA = *Treponema pallidum* Particle Agglutination

*In the absence of high-risk behaviour/exposure, syphilis is unlikely. Please correlate with clinical findings.